



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL FITRI 1429H ESPEK 2008

**OLEH:
YANG BERBAHAGIA TAN SRI RAHIM TAMBY CHIK
PENGERUSI RISDA/ESPEK**

**TEMPAT: KOMPLEKS LADANG RISDA TERENGGANU TENGAH,
TERENGGANU**

TARIKH: 21 OKTOBER 2008

- Yang Berusaha Pengerusi Majlis
- Yang Berbahagia Ahli Lembaga Pengarah ESPEK
- Yang Dihormati Tn Hj. Kamaruddin bin Mohamed Shah
Pengurus Besar ESPEK
- Pengarah Zakat Negeri Terengganu
- Ketua-Ketua Jabatan ESPEK,
- Pengurus Ladang dan Kilang,
- Warga Emas dan Anak-anak Yatim

- Dan seterusnya warga ESPEK Zon Timur serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

1. Penghargaan

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita berkumpul pada pagi yang mulia ini di Kompleks Ladang RISDA Terengganu Tengah yang serba indah dan menarik ini bagi Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri ESPEK Zon Timur.

3

Saya mengucapkan terima kasih di atas kesudian ESPEK menjemput saya menghadiri Majlis ini. Saya merasa amat bertuah hari ini kerana dapat bertemu dengan pegawai dan staf ESPEK di Zon Timur serta para jemputan dari sekitar Ladang ini. Semoga Majlis seumpama ini dapat mengeratkan silaturrahim sesama kita di samping beramah mesra dengan masyarakat setempat serta melahirkan sifat bantu membantu antara satu sama lain.

4

2. Selamat Hari Raya

Saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan 'Selamat Hari Raya Aidil Fitri dan maaf zahir dan batin' kepada semua warga ESPEK serta semua jemputan yang hadir pada hari ini walaupun terlewat sedikit namun kita masih berada dalam bulan Syawal lagi.

Tuan-Tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

5

3. Pembayaran Bantuan Zakat

Pada tahun ini, ESPEK telah mengeluarkan zakat untuk diagihkan kepada fakir miskin di seluruh negara. Jumlah zakat hasil ladang adalah RM 300,000 manakala zakat ternakan berjumlah RM200,000. Kedua-dua Zakat ini telah diagihkan mengikut negeri dan telah disampaikan kepada golongan fakir miskin yang telah ditentukan oleh Pusat Zakat Negeri masing-masing. Pada hari ini, ESPEK akan menyerahkan zakat ternakan berjumlah RM 49,451.49 kepada Pengarah Zakat Negeri Terengganu.

6

4.Sumbangan Corporate Social Responsibility (CSR)

Pada hari ini juga ESPEK akan menyampaikan sumbangan CSR atau tanggungjawab sosial korporat dalam bentuk penyediaan sebuah pondok ilmu di Sekolah Kebangsaan Teris bernilai RM 7,000. Disamping itu, ESPEK juga akan menyampaikan bantuan kepada warga emas.

5. Penyampaian Duit Raya kepada Anak Yatim

Kita bertuah hari ini kerana bersama-sama kita pada hari ini adalah seramai 20 orang anak-anak yatim dari Sekolah Kebangsaan Durian Mas II yang telah sudi bersama kita.

7

6. Saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk menyentuh beberapa perkara untuk kita kongsi bersama-sama dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7.Pasukan RISDA

Saya ada menekankan mengenai bekerja sebagai satu pasukan iaitu **Pasukan RISDA**. Satu pasukan boleh menghasilkan penyatuan tenaga, idea dan cita-cita dalam satu ikatan yang bersatupadu. 'Bersatu kita teguh, bercerai kita

8

roboh'. Dengan semangat ini, gunung yang tinggi dapat dirobohkan, lautan yang dalam dapat diratakan, kerja yang berat menjadi ringan dan kerja yang sulit menjadi senang. Apa yang penting, semua warga ESPEK mestilah bersatu hati dan mewujudkan teamwork yang kukuh dan kerja sebagai satu pasukan. Saya yakin dan percaya dengan kebolehan dan **iltizam** warga ESPEK untuk melaksanakan segala dasar yang telah ditetapkan. Pegawai-pegawai ESPEK perlu meneruskan usaha bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang wujud hari ini bagi membolehkan ESPEK menangani cabaran masa depan yang semakin dinamik dan kompetitif.

9

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

8.Cipta masa depan yang lebih gemilang

Marilah kita bersama-sama mencipta masa depan yang lebih gemilang untuk ESPEK dan warganya kerana jika kita statik dan gagal dalam usaha untuk menggunakan segala kelebihan yang wujud dalam ESPEK kita akan ketinggalan di belakang. Harus diingat bahawa peluang yang kita sia-siakan akan diambil manfaatnya oleh pihak lain. Janganlah kita mendedikasikan hidup kita bagi mencari alasan kenapa kita tidak mampu untuk mencapai

kecemerlangan sebaliknya marilah kita bersama-sama menjadikan hidup kita sebagai satu misi besar bagi mengatasi segala cabaran untuk menikmati kejayaan demi kejayaan dan masa depan yang lebih cerah. Kita perlu fikir 'out of the box' dan jangan statik.

9.Penutup

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tn. Hj. Kamarudin bin Mohd Shah, Pengurus Besar ESPEK di atas kesudian untuk menjemput saya ke Majlis ini. Semoga Majlis Sambutan Hari Raya ini dapat memberi manfaat dan mencapai tujuan yang diharapkan. Saya berharap kerjasama

11

yang baik dan hubungan yang harmoni yang sedia ada pada masa ini perlu di pelihara dan dikekalkan.

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah , Wassalammualaikum
w.b.t**

12